

17 AUG 1999

ULASAN-PEMBUATAN

SEKTOR PEMBUATAN MALAYSIA BOLEH BERSAING DI PASARAN GLOBAL

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Sektor pembuatan Malaysia boleh bersaing di pasaran global sekiranya ia memberi penekanan kepada meningkatkan produktiviti, kata Professor Haruo Shimada dari Jabatan Ekonomi Universiti Keio, Jepun.

"Saya telah memeriksa beberapa firma pembuatan di Malaysia dan (mendapati) syarikat-syarikat ini boleh meningkatkan produktiviti sebanyak dua atau tiga kali ganda sekiranya mereka bekerja dengan cermat dan cergas," katanya sambil menyifatkan kilang-kilang elektronik di Malaysia sebagai yang paling terkemuka di dunia dari segi prestasi eksport.

"Sekiranya setiap mereka boleh menakrifkan sasaran, mereka boleh meningkatkan produktiviti, dan saya yakin mereka boleh menjadi industri bertaraf dunia," katanya kepada pemberita selepas memberi ceramah mengenai "Pemulihan Ekonomi Jepun: Satu Penilaian" di sini hari ini.

Ceramah yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ramon Navaratnam itu dianjurkan bersama oleh Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia Jepun (JACTIM) dan Pusat Kajian Jepun, Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia.

Mengenai ekonomi Malaysia, Shimada berkata ekonomi Malaysia telah pulih dan ia dijelaskan lagi dengan pemulihan projek-projek lama dan baru yang berjalan lancar.

"Saya gembira melihat perkembangan (ekonomi Malaysia), terutamanya perkembangan projek Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya sambil memuji inisiatif Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan rangkakerja industri teknologi maklumat itu.

Bagaimanapun, beliau berkata "faktor nasib" telah membantu memperbaiki keadaan ekonomi beberapa ekonomi-ekonomi utama Asia. Seseorang itu harus berhati-hati dalam mengenal pasti samada masalah yang dihubungkan dengan sistem kewangan, telah ditangani dengan baik, tambahnya.

Beliau turut bersetuju bahawa sistem pasaran kewangan antarabangsa yang lebih boleh dipercayai diperlukan agar kegiatan spekulasi mambabi buta tidak berlaku.

Tanggungjawab pemberi pinjaman dan pengurusan risiko peminjam juga perlu diperbaiki, tambahnya.

"Masalah tidak terkongkong dalam sesebuah ekonomi atau negara tertentu tetapi keseluruhan pasaran atau industri kewangan dunia yang kini dalam proses perubahan yang dramatik dengan pengenalan teknologi maklumat paling canggih," katanya.

Mengenai usaha Malaysia memperkukuhkan sektor kewangannya, Shimada berkata langkah itu adalah perlu.

"Samada anda suka atau tidak, seseorang itu perlu menjadi kuat dan berdaya saing dalam pasaran global, terutamanya pasaran keangan yang tidak bersempadan.

"Anda perlu cukup kuat, dan dengan menggabungkan institusi-institusi kewangan menjadi beberapa kumpulan yang kuat mereka boleh bersaing dengan sempurna dalam ekonomi global," katanya. -- BERNAMA

WNZ JR